

KESAN PERSAMAAN BENTUK TERHADAP PERKEMBANGAN LEKSIKAL KANAK-KANAK PENUTUR DWIBAHASA

Christina Schelletter

Diterjemahkan oleh
Abd.Razak Abu Bakar

Abstrak

Kajian terdahulu mengenai kedwibahasaan orang dewasa menunjukkan bahawa kognat (padanan terjemahan yang sama dari segi bunyi dan ejaan) lebih pantas diterjemahkan berbanding dengan bukan kognat. Kajian tersebut mengemukakan bahawa terdapat representasi yang berbeza-beza bagi dua kategori dalam ingatan penutur dwibahasa (Kroll dan Stewart, 1994, van Hell dan de Groot, 1998). Dengan mandaikan bahawa representasi kanak-kanak yang dwibahasa sama dengan representasi orang dewasa yang dwibahasa, kesan persamaan bentuk antara perkataan harus ada. Makalah ini membicarakan kata nama sama bentuk dalam perkembangan awal leksikal kanak-kanak yang bertutur dwibahasa bahasa Jerman/bahasa Inggeris yang berusia setahun sebelas bulan hingga dua tahun sembilan bulan serta kesan persamaan bentuk dalam penamaan gambar dan terjemahan dalam dua kelompok kanak-kanak berusia 8–9 tahun yang dwibahasa bahasa Jerman/bahasa Inggeris. Dalam hal ini, persamaan bentuk berbeza daripada status kognat perkataan, bahawa ia mengimplikasikan hanya dari segi bunyi. Dengan mengambil kira cara kanak-kanak yang dapat mendengar mampu memperoleh perkataan, nampaknya perlulah dibataskan persamaan bentuk hanya setakat modaliti ini sahaja. Begitu juga dengan penyampaian butiran dalam penterjemahan adalah bergantung pada pendengaran. Keputusan kajian ini menunjukkan kesan persamaan bentuk dalam perkembangan awal leksikal yang pada tahap ini, perkataan yang sama bentuk kerap terdapat dalam permulaan tempoh

pencerapan dalam kedua-dua bahasa dan di samping itu, perkataan yang sama bentuk lebih berkemungkinan mempunyai padanan terjemahan dalam bahasa Inggeris kanak-kanak tersebut. Berkenaan dengan penterjemahan, persamaan bentuk terhasil dalam pendaman yang rendah bagi kedua-dua arah bahasa. Dengan itu dapatan ini mengesahkan bahawa persamaan bentuk mempengaruhi representasi pada orang dewasa dan kanak-kanak yang mempelajari bahasa.

Abstract

Previous studies of adult bilinguals have shown that cognates (translation equivalents similar in sound and spelling) are translated faster than non-cognates and different representations for the two categories in bilingual memory have been suggested (Kroll and Stewart, 1994, van Hell and de Groot, 1998). Assuming that bilingual children's representations are similar to those of adults, effects of form similarity between words should also be observed. This paper examines form-similar nouns in the early lexical development of a bilingual German/English child aged 1;11–2;9 as well as effects of form similarity in picture naming and translation in two groups of German/English children age 8–9. Form similarity here differs from cognate status of a word in that it implies similarity in sound only. Considering the way hearing children acquire words, it seems necessary to restrict the similarity of words to this modality. Similarly, the presentation of items in translation task was auditory. The results show an effect of form similarity in early lexical development, whereby form-similar words occurred frequently in the beginning of the observation period in both languages and were more likely to have a translation equivalent in the child's English. In the translation task, form similarity resulted in lower latencies for both language directions. The results thereby confirm that form similarity affects representations in both adult and child learners.

PENDAHULUAN

Penyelidikan terbaru mengenai pemerolehan bahasa pertama dalam kalangan penutur dwibahasa tentang representasi bahasa yang diperoleh serentak dalam kalangan kanak-kanak membuktikan bahawa lebih baik diasangkan kedua-dua bahasa tersebut sejak awal-awal lagi (Meisel, 1989; de Houwer, 1990; Gawlitzeck-Maiwald dan tracy, 1996; Paradis dan Genesse, 1996; Sinka dan Schelleter, 1998).

Meskipun kebanyakan kajian tersebut memberi tumpuan kepada pemerolehan morfosintaksis dalam kalangan kanak-kanak, terdapat juga bukti yang menyokong pandangan di atas yang berdasarkan terjadinya sinonim bahasa-silangan dalam leksikon awal kanak-kanak penutur dwibahasa (Pearson, Fernandez dan Oller, 1995; Quay, 1995). Terjadinya “bentuk kembar” sedemikian dalam perkembangan leksikon peringkat awal tidaklah sejajar dengan prinsip bezaan Clark (1987) yang membayangkan bahawa kanak-kanak tidak dapat menerima sinonim pada peringkat ini. Berdasarkan prinsip inilah maka Volterra dan Taeschner (1978) menyarankan sistem “lakuran” awal yang akan menolak sinonim silang-bahasa.

Hujah lain yang menyokong sistem terlakur berdasarkan terjadinya percampuran yang merupakan ujaran, dalam hal ini menggunakan butiran leksikal daripada kedua-dua bahasa dalam sesuatu konteks tertentu (Lanza, 1997). Kajian lain telah menginterpretasikan bentuk bahasa ini semula sebagai “peminjaman” perkataan yang telah dialami oleh kanak-kanak dalam konteks bahasa yang berbeza (Paradis dan Genesse, 1996).

Berdasarkan bukti yang memihak kepada pengasingan awal kedua-dua bahasa bagi kanak-kanak penutur dwibahasa, makalah ini bertujuan untuk melanjutkan perbincangan daripada perbicaraan tentang Sistem Tunggal berbanding dengan hipotesis Perkembangan Berasingan dan menyelidik dengan lebih terperinci bagaimana kanak-kanak mengukuhkan representasi bahasa bagi kedua-dua sistem bahasa dan faktor manakah yang memudahkan perkembangan representasi sedemikian.

Dalam analisis tentang perkembangan leksikal dua kanak-kanak penutur dwibahasa, Sinka, Garman dan Schelletter (2000) dan Schelletter, Sinka dan Garman (2001) menerapkan pendekatan pemprofilan leksikal untuk melihat peluasan kosa kata bagi kata nama dan verba kanak-kanak tersebut bagi setiap bahasa. Mereka mendapati bahawa kosa kata bagi kata leksikal bertambah dengan tersendiri dalam bahasa kanak-kanak yang dikaji. Terdapat percanggahan antara kedua-dua kategori leksikal, yang menunjukkan bahawa verba lebih terikat kepada tatabahasa, manakala kata nama tidak begitu, bergantung pada situasi. Di samping ini, salah seorang kanak-kanak yang dikaji, yang mempelajari bahasa Inggeris dan bahasa Jerman didapati memiliki tahap frekuensi pengisian kata nama yang tinggi dalam kedua-dua bahasa yang sama dari segi bentuk dengan masing-masing padanan terjemahan dalam bahasa yang satu lagi.

Dengan hubungan sejarah antara bahasa Inggeris dengan bahasa Jerman, dapatkan itu tidaklah menghairankan. Walau bagaimanapun, persoalannya ialah sama ada dapatan tersebut kebetulan memandangkan persamaan

bahasa atau sama ada seseorang kanak-kanak yang mempelajari kombinasi bahasa yang sedemikian sebenarnya memanfaatkan persamaan bentuk untuk memperkuuh representasi bahasa.

Persamaan bentuk antara butiran leksikal sesungguhnya faktor penting dalam susunan ingatan dalam kalangan orang dewasa yang mempelajari bahasa kedua. Pasangan terjemahan yang serupa dari segi bentuk dan makna, yang juga digelar kognat, dilaporkan dapat diterjemahkan lebih pantas oleh orang dewasa dalam penterjemahan yang melibatkan bahasa Inggeris dan bahasa Belanda. (Kroll dan Stewart, 1994; Kroll dan de Groot, 1997; van Hell dan de Groot, 1998).

Untuk melaporkan dapatan ini, dicadangkan ciri bertindan dalam representasi konseptual bagi perkataan dalam dua bahasa penutur dwibahasa (Model Ciri Konseptual, Kroll dan de Groot, 1997; van Hell dan de Groot, 1998). Pertindanan sedemikian tidak tetap dan diandaikan lebih banyak pada kognat berbanding dengan bukan kognat. Dengan mengandaikan ada perbezaan dari segi jumlah pertindanan, model itu dapat mewakili kesan jenis-kata tindanan dalam terjemahan sehingga kognat dapat diterjemahkan lebih pantas berbanding dengan bukan kognat dan begitu juga perkataan yang konkret dapat diterjemahkan lebih cepat berbanding dengan perkataan yang abstrak.

Dalam makalah ini, atau kajian ini, digunakan istilah “persamaan bentuk”, bukannya status kognat atas dua alasan. Mengikut maksud asal perkataan itu, kognat menceritakan bentuk linguistik yang dari segi sejarahnya berkaitan dengan perkataan yang sama dalam bahasa yang lain. Hubungan sedemikian mungkin tidak wujud dalam semua padanan “sama bentuk” dan jika wujud pun, mungkin terdapat perbezaan makna antara perkataan, yang mungkin menimbulkan kekeliruan. Kemudian timbul persoalan sama ada hubungan sejarah itu sentiasa telus kepada yang mempelajari bahasa, khususnya yang bentuk linguistiknya agak berbeza.

Kedua, seperti yang disebut oleh Dijkstra, Grainger, Dan van Heuven (1999), kesan status kognat bagi perkataan dalam penterjemahan adalah berdasarkan terutamanya pada persamaan bentuk tertulis secara menyeluruh dalam bahasa, kerana beginilah perkataan digambarkan. Walau bagaimanapun, makna kognat mungkin berbeza dari segi bilangan tindanan fonologi yang dipunyainya.

Dalam konteks kajian sekarang, persamaan dari segi fonologi penting memandangkan kanak-kanak yang dapat mendengar dapat mempelajari perkataan melalui saluran pendengaran; yang demikian hanya mempunyai representasi fonologi bagi perkataan sebelum usia persekolahan. Oleh itu,

sekiranya persamaan bentuk memainkan peranan dalam perkembangan leksikal penutur dwibahasa, persamaan ini haruslah berdasarkan persamaan fonologi antara padanan terjemahan. Persamaan bentuk dalam konteks sekarang dengan ini menunjukkan padanan kata yang sama dari segi maksud serta bentuk fonologinya.

Berkenaan dengan representasi konsepsi dan leksikal, bagi kanak-kanak penutur dwibahasa, tidaklah jelas sama ada representasi ini boleh dibandingkan dengan representasi konsepsi dan leksikal penutur dwibahasa bagi orang dewasa, memandangkan kanak-kanak perlu membentuk representasi konsepsi dan representasi leksikal dalam kedua-dua bahasa, manakala orang dewasa yang mempelajari bahasa kedua pula, telah pun sedia mempunyai representasi konsepsi dan representasi bahasa pertama. Walau bagaimanapun, representasi mental kanak-kanak diandaikan “lama-kelamaan berkembang mengikut model orang dewasa” (Bialystok, 2001, hlm. 104). Oleh yang demikian, dipercayai bahawa kesan persamaan bentuk, yang terdapat pada orang dewasa, boleh juga terdapat pada kanak-kanak.

Kajian sekarang menarik dua jenis bukti untuk melihat peranan persamaan bentuk dalam perkembangan awal leksikal kanak-kanak penutur dwibahasa. Pertama, kata nama yang diperhatikan dalam perbualan spontan pada kanak-kanak dalam bahasa Inggeris/bahasa Jerman dalam kajian Schelletter *et al.* (2001) dikelompokkan mengikut persamaan bentuk dan terjadinya padanan terjemahan bagi setiap kelompok kata nama itu telah dibandingkan. Jika persamaan bentuk lebih daripada sesuatu yang kebetulan pada tahap ini, dapatlah dipercepatkan pembentukan sinonim bahasa-silang.

Bukti jenis kedua diperoleh daripada penamaan gambar dan kerja terjemahan yang dijalankan pada dua kumpulan kanak-kanak penutur dwibahasa bahasa Jerman/bahasa Inggeris dan sekumpulan orang dewasa untuk memastikan sama ada kesan persamaan bentuk dapat dikesan pada kanak-kanak yang berbeza tempoh pendedahan kepada bahasa yang satu lagi.

Setakat ini, jarang-jarang diperoleh data eksperimen jenis ini yang merangkumi kanak-kanak dan orang dewasa. Hanya satu kajian sedemikian, oleh Chen dan Leung (1989), yang membandingkan tempoh reaksi bagi penamaan gambar dan terjemahan serta bagi arah bahasa penutur asli bahasa Kantonis dengan tahap keterampilan yang berbeza dalam bahasa Inggeris. Kesan persamaan bentuk tidak dikaji. Memandangkan bahasa Kantonis dan bahasa Inggeris dalam keluarga yang agak berbeza, maka bilangan persamaan bentuk antara perkataan dalam bahasa Cina dengan persamaan terjemahannya dalam bahasa Inggeris bolehlah diandaikan terlalu sedikit.

Sebaliknya, bahasa yang sedang dikaji sekarang mempunyai akar yang sama dalam erti kata kedua-duanya bahasa Jermanik. Keputusan kajian Chen dan Leung (1989) sejajar dengan dapatan sebelumnya dalam erti kata bahawa terdapat kesan terhadap bahasa, sehinggakan penamaan dan penterjemahan kepada bukan bahasa asli (L2) mengambil masa yang lebih lama berbanding dengan penamaan dan penterjemahan kepada bahasa asli (L1), dan juga bagi tugas, sehinggakan penamaan gambar mengambil masa yang lebih lama berbanding dengan terjemahan.

Model hierarki yang disemak (Kroll dan Stewart, 1994) menerangkan dapatan ini dalam erti kata bahawa model itu memberikan jalinan leksikal antara kedua-dua bahasa bagi penutur dwibahasa serta jalinan daripada tahap leksikal daripada setiap bahasa kepada tahap konsepsi. Jalinan ini boleh berubah dari segi kekuatan, sehinggakan penutur bahasa kedua yang kurang terampil akan mempunyai jalinan yang lebih lemah daripada L1 kepada L2 berbanding dengan daripada L2 kepada L1 dan juga jalinan yang lebih lemah antara tahap konsepsi dan L2 berbanding dengan antara tahap konsepsi dan L1.

Jalinan yang lebih lemah ini menjelaskan pendaman yang lebih tinggi bagi penamaan dan penterjemahan kepada L2. Di samping itu, pendaman terjemahan yang lebih pantas berbanding dengan penamaan boleh diterangkan dengan mengandaikan bahawa terjemahan mengaitkan kata-kepada-kata tanpa melibatkan tahap konsepsi, sedangkan penamaan gambar memerlukan pengaktifan tahap konsepsi.

Walau bagaimanapun, Chen dan Leung mendapati sesuatu yang tidak simetri antara kanak-kanak dengan orang dewasa, sedangkan terjemahan kepada L2 lebih pantas berbanding dengan penamaan gambar bagi orang dewasa, tetapi lebih lambat bagi kanak-kanak yang kurang terampil. Dikatakan bahawa kanak-kanak mungkin tidak secekap orang dewasa yang mempelajari bahasa kedua dari segi pengukuhan jalinan leksikal antara L1 dengan L2. Jika beginilah keadaannya, kanak-kanak yang mempelajari bahasa kedua dijangka mempunyai pendaman terjemahan yang lebih tinggi berbanding dengan orang dewasa, sekurang-kurangnya bagi terjemahan kepada L2.

Tujuan kajian ini adalah untuk memastikan sama ada persamaan bentuk mempunyai kesan terhadap representasi penutur dwibahasa yang sedang berkembang pada peringkat awal pemerolehan bahasa dan pada peringkat selanjutnya, sama ada sebilangan representasi telah sedia ada. Dengan adanya keputusan mengenai kognit pada orang dewasa yang mempelajari bahasa kedua, dapatlah dijangka bahawa ada kesan persamaan bentuk bagi orang dewasa dan kanak-kanak penutur dwibahasa yang fasih.

Jadual 1 Tanda dan jenis kata nama dalam tempoh pencerapan.

	<i>I;II-2;3</i>		<i>2;4-2;6</i>		<i>2;7-2;9</i>		<i>Jumlah</i>		
	Jenis	Tanda	Jenis	Tanda	Jenis	Tanda	Jenis	Tanda	
Konteks bahasa Jerman									
Bahasa Jerman	67		289	58		162	14		36 139 487
Kata nama TTR		0.23			0.36		0.39		0.29
Bahasa Inggeris	3		18	1		1			4 19
Konteks bahasa Inggeris									
Bahasa Inggeris	34		82	12		27	37		125 83 234
Kata nama TTR		0.41			0.44		0.3		0.35
Bahasa Jerman	3		3	1		5	1		1 5 9
Jumlah	107		392	72		195	52		162 231 749

KAJIAN KES PENUTUR DWIBAHASA

Kaedah

Seorang kanak-kanak perempuan penutur dwibahasa bahasa Jerman/bahasa Inggeris dicerap bahasa Jermannya sejak berusia setahun sebelas bulan hingga dua tahun lapan bulan dan dicerap bahasa Inggerisnya ketika berusia dua tahun dua bulan hingga dua tahun sembilan bulan. Bahasanya berkembang agak lambat: pada peringkat awal tempoh pencerapan, bermulalah dia menyebut dua perkataan serentak. Sampel bahasa spontan direkod setiap dua minggu selama kira-kira 45 minit setiap sesi. Tidak ada sampel bahasa Inggeris yang

Jadual 2 Padanan terjemahan mengikut persamaan bentuk.

	Padanan Terjemahan				Jumlah	Kata nama TTR
	Dicerap	Jenis	Tanda	Tidak dicerap		
	Jenis	Tanda	Jenis	Tanda	Jenis	Tanda
Konteks bahasa Jerman						
Seiras bentuk	6	80	3	41	9	121
Sama bentuk	14	59	28	76	42	135
Tak sama bentuk	17	81	45	151	62	232
Konteks bahasa Inggeris						
Seiras bentuk	6	56	0	0	6	56
Sama bentuk	15	46	13	31	28	77
Tak sama bentuk	17	34	22	67	39	101
Jumlah	75	356	111	366	186	722

direkod ketika kanak-kanak itu berusia dua tahun empat bulan dan dua tahun lima bulan. Ibu bapa kanak-kanak itu akur pada prinsip “satu orang satu bahasa” (Ronjat, 1913). Ayahnya penutur asli bahasa Inggeris dan memberi input bahasa Inggeris, ibunya pula penutur asli bahasa Jerman. Kanak-kanak itu mempunyai seorang kakak yang fasih dalam kedua-dua bahasa itu. Input kedua-dua bahasa itu oleh ibu bapanya adalah sama. Kajian mengenai perkembangan awal bahasa kanak-kanak itu menunjukkan bahawa perkembangan morfosintaksis bahasa Jermannya melebihi perkembangan morfosintaksis bahasa Inggerisnya (Sinka dan Schelletter, 1998.)

Keputusan

Penggunaan awal kata nama leksikal dalam kedua-dua bahasa kanak-kanak itu diperiksa dalam cabutan transkrip 250 perkataan dalam tempoh pencerapan. Daripada sekian banyak kata nama yang terdapat dalam cabutan transkrip, hanya kata nama hitung dan kata nama kelompok yang dipilih. Kata nama khas tidak termasuk dalam analisis. Selanjutnya kata nama dibahagikan pula kepada kata nama yang sama bentuk dalam kedua-dua bahasa dan kata nama yang tidak sama bentuk. Bagi memungkinkan kata nama dikelaskan dalam kelas sama bentuk, satu kriteria digunakan yang memerlukan 50 peratus atau lebih fonem yang membentuk kata nama dan persamaan terjemahannya sama. Persamaan bentuk membayangkan konsonan berkongsi sekurang-kurangnya dua daripada label tiga hala (tempat artikulasi, gaya artikulasi, bersuara/tidak bersuara) dan vokal sedikit berbeza dalam pengelasan vokal. Urutan fonem dalam perkataan juga diambil kira. Jadual 1 menunjukkan jenis kata nama dan tanda yang digunakan dalam tempoh pencerapan bagi setiap bahasa yang dikaji. Dalam jadual itu disenaraikan juga kata nama daripada bahasa lain (bahasa campuran) yang dicerap.

Keseluruhannya, terdapat 231 jenis kata nama dan 749 tanda dalam konteks kedua-dua bahasa. Jenis dan tanda lebih tinggi dalam konteks bahasa Jerman (143 jenis dan 506 tanda) berbanding dengan dalam konteks bahasa Inggeris (88 jenis dan 243 tanda) memandangkan persampelan kurang berterusan dalam konteks bahasa Inggeris. Walau bagaimanapun, keseluruhan nisbah jenis: tanda bagi respons bahasa yang berkenaan (0.29 bagi bahasa Jerman dan 0.35 bagi bahasa Inggeris) agak sama. Jadual itu turut menunjukkan bahawa respons bukan bahasa yang berkenaan (campuran bahasa) terjadi terutama sekali pada peringkat awal tempoh pencerapan dan berkurangan mengikut peningkatan keterampilan berbahasa.

Untuk menilai kesan persamaan bentuk dalam kedua-dua bahasa terhadap pengaturan kedudukan kata nama dan keserasian terjemahannya, kata nama dikelompokkan kepada tiga kategori persamaan bentuk: seiras, sama, dan tidak sama. Kata nama seiras-bentuk tidak berbeza dari segi bentuk fonologi dalam kedua-dua bahasa dan kata nama itu terdiri daripada kebanyakannya kata nama Inggeris, seperti *teddy*, *baby*, *buggy*, atau perkataan antarabangsa seperti *pizza*. Kata nama sama bentuk menurut ahli bahasa yang tahu kedua-dua bahasa ialah yang mempunyai sekurang-kurangnya 50 peratus fonem yang sama tetapi boleh dibezakan dari segi fonetik. Kata nama yang tergolong dalam kategori ini ialah umpamanya *book-Buck*, *apple-Apfel*, *bed-Bett*, dan *boat-Boot*.

Kata nama tidak sama bentuk berkongsi kurang daripada 50 peratus fonem masing-masing dengan padanan terjemahan dalam bahasa Jerman. Misalnya, *boy-Junge*, *tree-Baum*, *biscuit-Keks*, *head-Kopf*, dan *chair-Stuhl*. Jadual 2 menunjukkan jenis dan tanda bagi setiap kategori kata nama mengikut kehadiran atau ketiadaan padanan terjemahan dalam data yang dikaji.

Jadual itu menunjukkan bahawa bagi kedua-dua konteks bahasa, kata nama seiras bentuk terhad dari segi bilangan jenis (kesemuanya sembilan) tetapi agak kerap digunakan. Hasilnya, nisbah jenis kata nama berbanding dengan tanda adalah rendah (0.07 bagi bahasa Jerman dan 0.11 bagi bahasa Inggeris). Daripada sembilan jenis, enam terdapat dalam kedua-dua bahasa, dan item leksikal seiras. Bagi bahasa Inggeris, kesemua kata nama dan tandanya dalam kelas ini mempunyai persamaan yang dicerap dalam bahasa Jerman (100 peratus) manakala bagi kata nama yang digunakan dalam bahasa Jerman, kadarnya 67 peratus.

Kata nama sama bentuk merangkumi 38 peratus daripada kesemua jenis kata nama dalam kedua-dua bahasa dan merupakan 29 peratus daripada tanda. Dalam konteks bahasa Jerman, daripada 42 jenis padanan terjemahan, yang dicerap hanya 14 (33 peratus), manakala bagi bahasa Inggeris, daripada 28 jenis padanan terjemahan, yang dicerap sebanyak 15 (54 peratus). Bagi kata nama “*wasp*”, kedua-dua padanan terjemahan hanya terdapat dalam konteks bahasa Inggeris. Perbezaan sebegini antara bahasa juga lazim dalam tanda bagi kata nama yang sama dengan padanan terjemahan yang dicerap: bagi bahasa Jerman, daripada 135 sebanyak 59 yang dicerap (44 peratus), manakala bagi bahasa Inggeris, daripada 77 sebanyak 46 yang dicerap (60 peratus).

Kata nama tak sama bentuk merupakan kelompok terbesar dan membentuk 54 peratus daripada kesemua jenis kata nama dalam kedua-dua bahasa dan 46 peratus daripada kesemua tanda. Bagi bahasa Jerman, daripada 62 jenis padanan terjemahan, yang dicerap ialah 17 (27 peratus) dan bagi bahasa Inggeris, daripada 39 jenis padanan terjemahan, yang dicerap ialah 17 (44 peratus). Nisbah tanda dengan padanan terjemahan yang dicerap adalah sama dalam kedua-dua bahasa: 81 daripada 232 bagi bahasa Jerman (35 peratus) dan 34 daripada 101 bagi bahasa Inggeris (34 peratus).

Jika dibandingkan kata nama sama bentuk dengan kata nama tak sama bentuk dari segi padanan terjemahan yang dicerap, kelihatan bahawa terdapat persamaan bahasa pada bahagian yang lebih besar dalam tanda kata nama sama bentuk daripada tanda kata nama tak sama bentuk, khususnya

dalam bahasa Inggeris yang perbezaannya 26 peratus, dan 9 peratus dalam bahasa Jerman. Ujian ketepatan Fisher dilakukan pada bahasa Inggeris dan bahasa Jerman. Bagi bahasa Jerman, nilai-*p* bagi ujian satu hujung menghampiri nilai signifikan ($p=0.54$), manakala bagi bahasa Inggeris, keputusan bagi ujian satu hujung sangat signifikan: $p<0.001$.

Untuk menilai dengan lebih lanjut strategi kanak-kanak dalam pembinaan padanan terjemahan bagi kedua-dua bahasa, dalam Jadual 3a dan Jadual 3b disenaraikan kata nama leksikal yang sama dan yang tidak sama dari segi fonetik dengan padanan terjemahan yang dicatat sepanjang tempoh kajian. Petak yang digelapkan menunjukkan satu butiran telah pun digunakan dalam konteks bahasa yang satu lagi (campuran bahasa).

Dalam Jadual 3a dan Jadual 3b, terdapat 15 kata nama sama bentuk dan 17 kata nama tidak sama bentuk yang padanan terjemahannya dicerap. Dalam senarai kata nama sama bentuk itu, butiran yang paling kerap ialah butiran *bed-Bett* yang berbeza dalam kedua-dua bahasa dari segi panjang vokal (vokalnya pendek dalam bahasa Jerman) dan sebutan konsonan akhir. Butiran itu mula wujud dalam bahasa Jerman ketika kanak-kanak berusia satu tahun 11 bulan dan padanan terjemahan terjadi dalam bahasa Inggeris ketika kanak-kanak berusia dua tahun tiga bulan. Daripada 35 kejadian item sedemikian dalam tempoh pencerapan, hanya satu kejadian bagi padanannya dalam bahasa Jerman dalam konteks bahasa Inggeris. Bagi kata nama yang tidak sama pula, butiran yang paling kerap ialah *boy-Junge*. Perkataan ini mula wujud dalam bahasa Jerman ketika kanak-kanak berusia dua tahun satu bulan dan terdapat dalam bahasa Inggeris ketika kanak-kanak berusia dua tahun tujuh bulan. Sebelum penggunaan padanan terjemahan, terdapat satu kejadian bagi padanan bahasa Jerman dalam konteks bahasa Inggeris ketika kanak-kanak berusia dua tahun dua bulan.

Keseluruhananya, kata nama sama bentuk dan tidak sama bentuk berbeza dari segi kekerapan tanda masing-masing dalam kedua-dua bahasa. Bagi kata nama sama bentuk, terdapat 59 tanda bahasa Jerman dan lima tanda dalam bahasa Inggeris dalam konteks bahasa Jerman. Dalam konteks bahasa Inggeris, terdapat 46 tanda bahasa Inggeris dan enam tanda bahasa Jerman. Daripada 15 pasangan terjemahan, lapan pasangan mula-mula muncul dalam bahasa Jerman, empat butiran mula-mula diperhatikan dalam bahasa Inggeris. Kedua-dua padanan terjemahan tiga kata nama terdapat ketika usia yang sama. Rata-rata, padanan terjemahan bagi kata nama sama bentuk terdapat selepas 2.7 bulan kemunculan pertamanya dalam konteks bahasa yang satu lagi.

Sebaliknya, bagi kata nama tidak sama bentuk, terdapat lebih banyak

Jadual 3a Frekuensi kata nama sama bentuk dengan padanan terjemahan yang dicerap.

	1;11	2;0	2;1	2;2	2;3	2;4	2;5	2;6	2;7	2;8	2;2	2;3	2;6	2;7	2;8	2;9	Jumlah
Sama bentuk	Kontek bahasa Jerman Tanda: 59.B.J. 5. B.I												Kontek bahasa Inggeris Tanda: 59.B.I. 5. B.J		116		
Ball	-	-	-	-	-	1					3	1					5
<i>Ball</i>				-	-	3											3
Bed											5						5
<i>Bett</i>	12		2	5		2	4	4						1			30
Bean													5				5
<i>Bohne</i>					1												1
Book	2		1							4							7
<i>Buch</i>		3	2	1		1											7
Cassette												1		1			2
<i>Kassette</i>		2															2
Cat									4								4
<i>Katzchen</i>			2	2													4
Chocolate											3						3
<i>Schokolade</i>						2											2
Hand											1	2	1				4
<i>Hand</i>		2															2
Icecream										2		2		2			4
<i>Eis</i>		1															1
Milk													1				1
<i>Milch</i>				1													1
Moon												2					2
<i>Mond</i>		3															3
Shoe			1							4							5
<i>Schuh</i>			1														1
Snow									1								1
<i>Schnee</i>		2															2
Thing									1			1					1
<i>Ding</i>							1										1
Wasp												2					2
<i>Wespe</i>										5							5

Jadual 3b Frekuensi kata nama tak sama bentuk mengikut padanan terjemahan yang dicerap.

tanda dalam konteks bahasa Jerman (81 dalam bahasa Jerman dan tiada langsung dalam bahasa Inggeris) berbanding dengan dalam konteks bahasa Inggeris (34 tanda bahasa Inggeris dan tiga tanda bahasa Jerman). Di samping itu, 13 daripada 17 tanda mula-mula muncul dalam bahasa Jerman. Rata-rata, padanan terjemahan bagi kata nama tidak sama bentuk terdapat 3.6 bulan selepas bentuk ini mula-mula muncul dalam konteks bahasa yang satu lagi.

Keputusan tersebut menunjukkan bahawa meskipun kosa kata kanak-kanak adalah lebih pelbagai dalam bahasa Jerman berbanding dengan kosa kata mereka dalam bahasa Inggeris dalam tempoh pencerapan, namun penggunaan padanan terjemahan kanak-kanak tersebut jauh lebih seimbang dalam kedua-dua bahasa bagi kata nama yang sama bentuk berbanding dengan kata nama tidak sama bentuk dan jurang antara terjadinya kedua-dua padanan terjemahan itu adalah lebih kecil bagi item yang sama bentuk.

Keputusan kajian ini yang dihalakan kepada peranan persamaan bentuk terhadap perkembangan awal leksikal kanak-kanak penutur dwibahasa menunjukkan bahawa tahap persamaan bentuk dalam kedua-dua bahasa memudahkan perkembangan leksikal kanak-kanak, khususnya pada peringkat awal. Walaupun ada padanan terjemahan bagi kata nama sama bentuk dan tidak sama bentuk dalam tempoh kajian, nampaknya persamaan bentuk berkaitan dengan kekerapan penggunaan. Perkataan yang seiras bentuk dalam kedua-dua bahasa mempunyai kekerapan kadar tanda yang paling tinggi dan bagi kata nama sama bentuk kadar tanda yang tinggi terdapat dalam bentuk kedua-dua bahasa.

MENAMAI GAMBAR DAN PENTERJEMAHAN

Bahan Kajian

Peserta kajian terdiri daripada 16 kanak-kanak dari sebuah sekolah Eropah di United Kingdom serta 12 orang dewasa bangsa Jerman yang menetap di UK. Kanak-kanak tersebut terdiri daripada pelajar Tahun 3 bahagian bahasa Jerman dalam sekolah itu dan mereka berusia antara lapan hingga sembilan tahun. Kesemuanya lapan kanak-kanak perempuan dan lapan kanak-kanak lelaki. Keluarga mereka kelas menengah. Bahasa utama dalam bilik darjah ialah bahasa Jerman, tetapi kanak-kanak itu juga mengikuti kelas bahasa Inggeris dan mengambil bahagian dalam aktiviti sukan dan kraf tangan bersama-sama dengan kanak-kanak yang tidak berbahasa Jerman, sebagai sebahagian daripada kurikulum. Lain-lain pertemuan dengan penutur bahasa Inggeris dan bukan penutur bahasa Jerman ketika di padang permainan,

dan ketika berbicara dengan guru bukan Jerman dan kakitangan lain di sekolah itu (setiausaha, pekerja kantin dan penjaga).

Kanak-kanak itu dibahagikan kepada dua kumpulan, masing-masing terdiri daripada lapan ahli. Kumpulan pertama terdiri daripada yang lebih lama berurusan dengan bahasa Inggeris sama ada melalui pergaulan di taman perumahan Jerman/Inggeris atau melalui institusi keinggerisan (sekolah bimbingan kanak-kanak, sekolah rendah) sebelum memasuki sekolah Eropah. Kumpulan kedua pula kesemuanya terdiri daripada yang berasal dari latar belakang ekabahasa Jerman dan tidak menghadiri institusi keinggerisan. Sungguhpun tempoh mastautin mereka di Britain adalah selama antara enam bulan hingga empat tahun, kefasihan kanak-kanak itu lebih berbeza-beza mengikut tempoh pertemuan mereka dengan rakan mereka yang berbangsa Inggeris (seperti jiran).

Yang dewasa pula terdiri daripada yang berusia 21 hingga 54 tahun. Kesemuanya dibesarkan sebagai penutur ekabahasa bahasa Jerman dan mempelajari bahasa kedua, bahasa Inggeris di sekolah sebelum menetap di England. Kesemuanya dari kelas menengah. Walaupun berbeza tempoh penetapan mereka di Britain, kesemua peserta kajian menggunakan bahasa Jerman dalam pertuturan harian dengan pasangan masing-masing, dengan anak, semasa mengajar atau semasa bertemu dengan rakan.

Kaedah

Kanak-kanak diuji di sekolah dalam bilik darjah dekat mereka. Orang dewasa pula diuji di rumah atau di tempat kerja. Semua peserta kajian ditemui tiap-tiap seorang selama kira-kira 5–10 minit. Bahan yang digunakan terdiri daripada 40 klip gambar berwarna yang biasa dijumpai, 20 gambar bagi setiap bahasa, serta 40 perkataan yang menceritakan objek yang kerap dijumpai, 20 perkataan bagi setiap bahasa. Objek itu menggambarkan atau dinamai bertindan dengan yang ditetapkan oleh Snodgrass dan Vanderwart (1980) dan merangkumi kategori semantik yang berbeza, seperti nama haiwan, bahagian badan, makanan atau minuman, barang isi rumah, pakaian dan objek luar rumah (bangunan, peralatan di padang permainan, tumbuhan). Semua butiran terdiri daripada kata nama konkret yang seharusnya biasa bagi kanak-kanak yang tergolong dalam usia tersebut.

Butiran tersebut dipadankan mengikut keakraban perkataan dan kekerapan perkataan. Kekerapan perkataan berdasarkan kekerapan perkataan yang ditulis bagi korpus LOB bagi bahasa Inggeris (Johansson dan Hofland, 1989) dan korpus yang dipegang oleh Institut fur Deutsche Sprache,

Mannheim, Jerman, bagi bahasa Jerman (Institut fur Deutsche Sprache, 1998). Bagi memastikan kesetandingan, pemeringkatan kekerapan diterbitkan untuk semua kata nama dalam kedua-dua bahasa. Pemeringkatan keakraban dan usia pemeringkatan pemerolehan diperoleh daripada Masterton dan Druks (1998) dan Morrison, Chappell dan Ellis (1997) bagi kata nama Inggeris dan juga padanan terjemahan bahasa Inggeris bagi kata nama bahasa Jerman. Bagi membolehkan kemungkinan bahawa pemeringkatan keakraban berbeza dalam kalangan kanak-kanak dan orang dewasa, satu pemeringkatan keakraban kanak-kanak yang berbeza turut dimasukkan (Cycowicz, Friedmann, Rothstein dan Snodgrass, 1997). Di samping itu, kata nama dikelompokkan mengikut kelompok sama bentuk dan tidak sama bentuk. Pengelompokan ini berdasarkan perbandingan antara persamaan fonologi bagi setiap fonem perkataan dan padanan terjemahan masing-masing. Kriteria yang serupa diterapkan sebagaimana dalam kajian awal, terutama sekali kata nama yang dikelaskan dalam kelompok sama bentuk jika sekurang-kurangnya 50 peratus daripada fonem adalah sama dan sebaliknya tidak sama.

Keseluruhannya, prosedur tersebut merangkumi empat tugas, dua tugas menamai gambar dan dua tugas terjemahan. Pada mulanya, sebanyak lima item latihan digunakan bagi setiap tugas. Tugas menamai

Jadual 4 Penamaan gambar: tempoh reaksi dalam ms, kejituuan dan perbezaan bagi semua kelompok*.

Penamaan gambar (kejituuan)	Kanak-kanak dwibahasa N=8	Kanak-kanak yang kurang fasih N=8	Kanak-kanak berbeza	Orang dewasa yang fasih N=12	Perbezaan orang dewasa-kanak-kanak
L1	1200 (0.99)	1217 (1)	17	1026 (1)	182.5
(SD)	(655)	(716)		(637)	
L2	1278 (0.98)	1357 (0.85)	79	1132 (0.99)	185.5
(SD)	(781)	(816)		(775)	
Perbezaan Bahasa	78	140		106	

*Dalam jadual di atas, L1 bahasa Jerman dan L2 bahasa Inggeris. Data ini berdasarkan 315 daripada 320 cerapan bagi kanak-kanak dwibahasa, 294 daripada 320 cerapan bagi kanak-kanak kurang fasih dan 476 daripada 480 cerapan bagi orang dewasa.

Jadual 5 Terjemahan: tempoh reaksi dalam ms, kejituhan dan perbezaan bagi semua kelompok*.

Terjemahan (kejituhan)	Kanak-kanak dwibahasa <i>N=8</i>	Kanak-kanak yang kurang fasih <i>N=8</i>	Kanak-kanak berbeza	Orang dewasa yang fasih <i>N=12</i>	Perbezaan orang dewasa-kanak-kanak
L2 kepada L1	1597 (0.99)	1480 (0.89)	-117	661(0.99)	87.5
(SD)	(1360)	(1171)		(512)	
L1 kepada L2	1642 (0.93)	1624 (0.72)	-18	663 (0.96)	970.5
(SD)	(1251)	(1512)		(695)	
Perbezaan Bahasa	45	144		2	

*Dalam jadual di atas, L1 bahasa Jerman dan L2 bahasa Inggeris. Data ini berdasarkan 299 daripada 320 cerapan bagi kanak-kanak dwibahasa, 244 daripada 320 cerapan bagi kanak-kanak kurang fasih, dan 454 daripada 480 cerapan bagi orang dewasa.

gambar sentiasa mendahului tugasan terjemahan tetapi urutan tugasan dalam set tersebut adalah secara rawak. Bagi semua tugasan, kanak-kanak terlebih dahulu diberitahu tentang bahasa mana yang harus disahut. Rangsangan bagi tugasan terjemahan adalah melalui pendengaran, manakala gambar dilihat bagi penamaan tugasan. Hal ini demikian kerana pada tahap ini tidak semua peserta kajian yang biasa dengan bahasa Inggeris tulisan dan kefahaman ini mempengaruhi tempoh reaksi mereka.

Senarai semua gambar dan perkataan yang digunakan dalam tugasan ditunjukkan dalam lampiran, bersama-sama dengan pemeringkatan bagi keakraban, kekerapan, persamaan bentuk, dan usia pemerolehan jika ada.

Peserta kajian dirakam video semasa melaksanakan tugasan, dan seterusnya tempoh reaksi diukur dalam milisaat dengan menggunakan analisis rangka demi rangka, dalam hal ini satu rangka bersamaan 40 milisaat. Meskipun kaedah ini jelas menghasilkan ukuran tempoh reaksi yang kurang tepat, namun dapat mengatasi beberapa masalah yang mungkin timbul daripada penggunaan mikrofon atau *button box* sempena penggunaan program komputer. Peranti ini berhenti mengukur tempoh reaksi apabila terdengar bunyi walaupun itu bukanlah perkataan sasaran, tetapi umpamanya

apabila peserta kajian secara tidak sengaja membuat bising, terbatuk, atau mula menyuarakan perkataan bukan sasaran yang akhirnya dibetulkan. Lebih-lebih lagi apabila kanak-kanak menjadi peserta kajian, besar kemungkinan peralatan teknikal terlalu sensitif dan pengukuran hilang. Barangkali cara mengujinya yang ideal adalah dengan menggunakan peralatan komputer dan video sebagai sokongan.

Keputusan

Purata tempoh reaksi dalam kiraan milisaat (ms) diperoleh bagi semua kelompok dan semua tugasan. Bagi penamaan gambar, tempoh reaksi diukur

Jadual 6 Penamaan gambar: tempoh reaksi bagi butiran sama bentuk dan item tak sama bentuk*.

Penamaan gambar	Kanak-kanak dwibahasa N=8	Kanak-kanak kurang fasih N=8	Kanak-kanak berbeza	Orang dewasa yang fasih N=12	Perbezaan orang dewasa-kanak-kanak
Sama bentuk L1	1073	1099	26	854	232
(SD)	(536)	(493)		(447)	
Tak sama bentuk	1405	1221	-184	1000	313
(SD)	(1036)	(518)		(508)	
Sama bentuk L2	1058	1111	53	1088	-3.5
(SD)	(469)	(402)		(647)	
Tak sama bentuk	1168	1257	89	951	261.5
(SD)	(596)	(558)		(393)	
Perbezaan L1	332	122		146	
L2	110	146		-137	

*Dalam jadual di atas, L1 bahasa Jerman dan L2 bahasa Inggeris. Data ini berdasarkan pada 127 daripada 128 cerapan bagi kanak-kanak dwibahasa, 121 daripada 128 cerapan bagi kanak-kanak kurang fasih, dan 187 daripada 192 cerapan bagi orang dewasa.

dari saat gambar ditunjukkan kepada peserta kajian ketika dia mula menunjukkan reaksi. Bagi terjemahan, tempoh reaksi diukur daripada saat penguji selesai menyebut sesuatu perkataan hingga kehadiran kepada saat peserta kajian mula menunjukkan reaksi. Tidak ada respons dan respons ralat yang ditinggalkan daripada analisis tempoh reaksi.

Memandangkan terdapat sebilangan ukuran tempoh reaksi yang terlalu tinggi, markah yang melebihi 700 ms tidak diambil kira dan min diukur berdasarkan ukuran terpendam yang tinggal. Didapati bahawa pemboleh

Jadual 7 Tempoh reaksi terjemahan bagi item sama bentuk dan butiran tak sama bentuk.*

Terjemahan	Kanak-kanak dwibahasa N=8	Kanak-kanak kurang fasih N=8	Kanak-kanak berbeza	Orang dewasa yang fasih N=12	Perbezaan orang dewasa-kanak-kanak
L2 kepada L1					
Sama bentuk	1251	908	-343	399	680.5
(SD)	(1340)	(454)		(194)	
Tak sama bentuk	1454	1331	-123	683	709.5
(SD)	(1038)	(1039)		(574)	
L1 kepada L2					
Sama bentuk	1133	1128	-5	386	744.5
(SD)	(1061)	(749)		(281)	
Tak sama bentuk	1990	2245	255	787	
(SD)	(1298)	(2211)		(793)	
Perbezaan L1	203	423		284	
L2	857	1117		401	

*Dalam jadual di atas, L1 bahasa Jerman dan L2 bahasa Inggeris. Data ini berdasarkan 123 daripada 128 cerapan kanak-kanak dwibahasa, 113 daripada 128 cerapan bagi kanak-kanak kurang fasih, dan 186 daripada 192 cerapan bagi orang dewasa.

ubah bersandar “ukuran tempoh reaksi” tidak bertaburan normal dan transformasi logaritma dibuat agar dapat diterap prosedur ujian parameter.

Jadual 4 menunjukkan bahawa bagi semua kelompok, min tempoh reaksi untuk tugas penamaan gambar adalah rendah bagi L1 dan paling tinggi markah bagi kejituhan. Perbezaan bahasa adalah tertinggi bagi kanak-kanak yang kurang fasih (140 ms) dan terendah bagi kanak-kanak penutur dwibahasa (78 ms). Seperti yang terdapat dalam Jadual 4, kanak-kanak dwibahasa lebih pantas menamai gambar dalam L2 berbanding dengan kelompok kanak-kanak yang kurang fasih, dan mereka juga lebih tepat. Terdapat juga perbezaan pendaman antara kanak-kanak dengan orang dewasa sebanyak kira-kira 180 ms bagi kedua-dua bahasa.

Berhubung terjemahan, kedua-dua kelompok kanak-kanak mempunyai nilai pendaman yang tinggi, yang signifikan bagi kedua-dua bahasa berbanding dengan orang dewasa (kira-kira 900 ms, cf Jadual 5). Sekali lagi, terdapat perbezaan bahasa yang lebih ketara dalam kelompok kanak-kanak yang kurang fasih berbanding dengan yang terdapat dalam kelompok dwibahasa. Walau bagaimanapun, nampaknya kelompok kanak-kanak yang kurang fasih lebih pantas dari segi terjemahan berbanding dengan kelompok dwibahasa, meskipun kurang tepat dalam kedua-dua arah. Bagi kelompok kanak-kanak, terdapat variasi pendaman yang lebih tinggi berbanding dengan tugas penamaan gambar.

Keseluruhananya, dari segi kejituhan, terdapat perbezaan yang signifikan dalam kalangan kelompok. Jadual ANOVA satu hala menunjukkan bahawa $F(2237) = 62.38, p < 0.001$. Jadual ANOVA dua hala, yang merangkumi kelompok dan jenis tugas merupakan faktor tunggal yang signifikan dan interaksi antara kelompok dengan jenis tugas juga signifikan. $F(22076) = 200.33, p < 0.001$ bagi kelompok sebagai satu faktor dan $F(12076) = 25.8, p < 0.001$ bagi jenis tugas. Perbandingan dari segi pasangan bagi kelompok “boleh ubah” menunjukkan bahawa orang dewasa lebih pantas daripada kedua-dua kelompok kanak-kanak.

Untuk menyiasat kesan persamaan bentuk terhadap pencapaian peserta kajian, dibandingkan tempoh reaksi bagi lapan item penamaan gambar dan terjemahan yang sama dengan yang tidak sama. Bagi penamaan gambar, frekuensi min bagi butiran yang sama dan yang tidak sama ialah masing-masing 281 dan 318. Bagi terjemahan, frekuensi min ialah 1373 dan 1237. Jadual 6 dan 7 menunjukkan tempoh reaksi bagi butiran sama bentuk dan tidak sama bentuk dalam tugas penamaan gambar dan terjemahan.


Jadual 6 menunjukkan terdapat sedikit kesan persamaan bentuk bagi kedua-dua kelompok kanak-kanak dan bagi kedua-dua arah bahasa.

Perbezaan ini sangat ketara bagi penamaan dalam bahasa Jerman kanak-kanak dwibahasa, manakala tiada kesan yang terdapat bagi penamaan dalam bahasa Inggeris orang dewasa. Keseluruhannya, perbezaan dari segi pendaman penamaan gambar antara orang dewasa dengan kanak-kanak adalah kekal, kecuali penamaan gambar bagi item sama bentuk dalam bahasa Inggeris yang pendaman kesemua tiga kelompok hampir-hampir serupa.


Jadual 7 menunjukkan bahawa bagi kesemua kelompok dan kedua-dua arah bahasa, terdapat kesan persamaan bentuk terhadap terjemahan. Walau bagaimanapun, perbezaan pendaman lebih besar bagi L2 (bahasa Inggeris) untuk kesemua kelompok, khususnya dalam kelompok kanak-kanak yang kurang mahir.

ANOVA dua hala yang merangkumi persamaan bentuk dan jenis tugasan sebagai faktor dijalankan bagi setiap kelompok subjek. Bagi kelompok orang dewasa, persamaan bentuk dan jenis tugasan merupakan satu-satunya faktor yang signifikan: $F(1369) = 25.8, p < 0.001$ bagi persamaan bentuk dan $F(1369) = 168.5, p < 0.001$ bagi jenis tugasan. Interaksi antara persamaan bentuk dengan jenis tugasan juga signifikan: $F(1369) = 23.1, p < 0.001$. Rajah 1–3 menunjukkan min tempoh reaksi bagi sama bentuk dan item tak sama bagi setiap jenis tugasan untuk ketiga-tiga kelompok.

Rajah 1 menunjukkan bahawa butiran sama bentuk dapat diterjemahkan dengan lebih pantas oleh orang dewasa, tetapi tidak ada kesan sedemikian



Rajah 1 Min tempoh reaksi bagi item sama bentuk dan tak sama bentuk, bagi orang dewasa.




Rajah 2 Min tempoh reaksi bagi butiran sama bentuk dan tak sama bentuk, bagi kanak-kanak dwibahasa.

bagi penamaan gambar untuk kumpulan ini.

Bagi kanak-kanak penutur dwibahasa, terdapat kesan yang signifikan hanya pada persamaan bentuk: $F(1246) = 13.4, p < 0.001$. Rajah 2 menunjukkan bahawa pada kedua-dua tugasan, penamaan gambar dan terjemahan, item sama bentuk mempunyai pendaman yang rendah.

Bagi kanak-kanak yang kurang fasih, Rajah 3 menunjukkan bahawa



Rajah 3 Min tempoh reaksi bagi butiran sama bentuk dan tak sama bentuk, bagi kumpulan kanak-kanak yang kurang fasih.

keputusan ini sama dengan keputusan yang diperoleh daripada kelompok penutur dwibahasa. Sekali lagi, terdapat kesan yang signifikan hanya pada persamaan bentuk: $F(1230) = 7.01, p < 0.001$.

Kesimpulannya, dapatan daripada tugasan penamaan gambar dan terjemahan pada penutur dwibahasa orang dewasa dan kanak-kanak menunjukkan terdapat sedikit ketidaksimetri bahasa pada kesemua kelompok dan pada kedua-dua tugasan. Orang dewasa lebih pantas dalam penterjemahan berbanding dengan penamaan gambar, manakala pendaman kanak-kanak bagi kedua-dua tugasan adalah pada tahap yang sama. Orang dewasa lebih pantas daripada kanak-kanak dalam hal kedua-dua tugasan, tetapi perbezaan ini lebih dramatik dalam penterjemahan. Persamaan bentuk didapati mempercepat terjemahan dalam kesemua kelompok, tetapi terdapat kesan yang sedikit dalam hal penamaan gambar oleh kanak-kanak juga.

PERBINCANGAN

Berkenaan dengan pemetaan representasi leksikal kepada konsep, dapatan yang diperoleh dari orang dewasa menyokong pandangan bahawa penamaan gambar diperantarakan secara konsep, manakala penterjemahan diperantarakan secara leksikal dalam kedua-dua arah. Pada masa yang sama, tidak terdapat ketidaksimetri bahasa dalam penterjemahan dan tidak pula terdapat perbezaan dalam kesan persamaan bentuk terhadap pendaman terjemahan dalam kedua-dua bahasa. Dapatan ini membayangkan bahawa terjemahan dalam kedua-dua arah bahasa diperantarakan dalam cara yang sama.

Dapatan ini berbeza daripada dapatan sebelumnya (Kroll dan Stewart, 1994), yang membayangkan bahawa terjemahan daripada L2 kepada L1 hanya diperantarakan secara leksikal. Dalam kajian mereka, Kroll dan Stewart mendapati bahawa pendaman terjemahan daripada L1 kepada L2 adalah lebih tinggi daripada pendaman terjemahan daripada L2 kepada L1 bagi kognat dan bukan kognat (min perbezaan antara arah terjemahan ialah 94 ms bagi kognat dan 41 ms bagi bukan kognat). Di samping itu, tempoh reaksi bagi terjemahan daripada L1 kepada L2 bertambah bagi senarai yang terkategori (min perbezaan antara arah terjemahan ialah 212 ms bagi kognat dan 168 ms bagi bukan kognat). Satu perbezaan antara kajian sekarang dengan kajian oleh Kroll dan Stewart ialah bahawa di sini, kesemua orang dewasa yang diuji menetap di negara yang L2 (bahasa Inggeris) dituturkan. Keadaan ini mempengaruhi cara mereka mengantarakan arah terjemahan daripada L1 kepada L2.

Dalam kajian ini, dapatan yang paling mantap ialah perbezaan dari segi pendaman terjemahan antara kanak-kanak dengan orang dewasa. Pendaman ini terdapat pada kedua-dua arah dan bagi kanak-kanak, mereka berada pada tahap yang sama kepada pendaman penamaan terjemahan. Dengan perbezaan antara kanak-kanak dengan orang dewasa dari segi penterjemahan adalah lebih besar daripada penamaan gambar dan berlaku lebih konsisten malahan dalam item yang terpantas bagi kanak-kanak, hal ini membayangkan bahawa terdapat perbezaan antara kanak-kanak dengan orang dewasa dari segi cara terjemahan diperantarakan.

Berkenaan dengan kanak-kanak penutur dwibahasa, munasabahlah diandaikan bahawa mereka memperantarkan kedua-dua tugas itu berdasarkan konsep, manakala orang dewasa pula berupaya memanfaatkan kaitan perkataan dengan perkataan. Bagi perantaraan berdasarkan konsep, bukti selanjutnya diperoleh daripada ralat semantik dalam terjemahan oleh kanak-kanak, seperti *feet* untuk *leg*, *sheep* untuk *goat*, *seesaw* untuk *swing* atau *spoon* untuk *knife*. Ralat sebegini berlaku lebih kerap dalam terjemahan daripada bahasa Jerman kepada bahasa Inggeris dan kurang kerap dalam kelompok orang dewasa.

Kelompok kanak-kanak yang kurang fasih mempunyai pendaman yang sama dengan pendaman dalam kanak-kanak dwibahasa. Walau bagaimanapun, kanak-kanak dalam kelompok ini mempelajari bahasa kedua selepas bahasa pertama mantap. Bagi orang dewasa yang mempelajari bahasa kedua, model Hierarki Semak Semula (Kroll dan Stewart, 1994) memberi ruang perpindahan daripada bentuk perantara leksikal kepada bentuk L1 kepada L2 mula-mulanya kepada perantara konsepsi dengan frekuensi yang bertambah. Perpindahan sebegini disokong oleh dapatan oleh Talamas, Kroll dan Dufour (1999) berdasarkan pada tugas yang melibatkan pasangan terjemahan yang salah. Mereka mendapati bahawa pelajar yang kurang fasih lebih banyak bergantung pada maklumat mengenai bentuk perkataan, manakala pelajar yang lebih fasih berupaya untuk memperoleh makna secara langsung.

Sungguhpun tidak ada perbezaan dalam min pendaman bagi tugas terjemahan yang ditemui antara dua kelompok kanak-kanak dalam kajian sekarang, variasi pendaman dalam kalangan kanak-kanak khusus dalam kelompok ini dapat menunjukkan perbezaan dari segi cara terjemahan diperantarakan oleh kanak-kanak yang berbeza.

Sebaliknya pula, perbezaan dari segi pendaman antara kanak-kanak dengan orang dewasa mungkin disebabkan oleh hakikat bahawa kanak-kanak mungkin kurang cekap dalam usaha membangunkan jalinan leksikal

antara butiran dengan padanan terjemahan, seperti yang disarankan oleh Chen dan Leung (1989). Dalam hal kanak-kanak yang diperkatakan di sini, satu faktor yang penting ialah bahawa peserta kajian mempelajari bahasa dalam cara yang lebih bersahaja, bukan dalam cara yang berstruktur. Dalam konteks ini, lebih baiklah dibandingkan kanak-kanak yang telah mengikuti pengajaran bahasa secara formal dengan kanak-kanak yang mempelajari bahasa itu di negaranya sendiri, seperti dalam kes ini.

Persamaan bentuk juga mempunyai kesan yang sedikit, tetapi tidaklah signifikan terhadap pendaman penamaan gambar oleh kanak-kanak. Dapatkan ini disokong oleh beberapa ralat yang bersifat semantik-fonetik yang dengannya kategori semantik yang serupa yang dinamai yang mempunyai padanan terjemahan dengan persamaan fonologi yang berdarjah tinggi. Contoh daripada data ini ialah *horse*, *cloud*, dan *lion* yang masing-masing dinamai *foal* (*fohlen*: bahasa Jerman), *wind* (*wind*: bahasa Jerman) dan *tiger* (*tiger*: bahasa Jerman). Ralat sedemikian jarang-jarang berlaku dalam kelompok orang dewasa dan menimbulkan persoalan sejauh manakah bahasa yang satu lagi itu terlibat untuk kanak-kanak apabila melakukan tugas penamaan gambar.

Perbincangan Umum

Kajian ini merintis kesan persamaan bentuk dalam data longitud bagi kanak-kanak dwibahasa bahasa Jerman/bahasa Inggeris dan juga dalam data masa reaksi bagi dua kelompok kanak-kanak penutur mahir dwibahasa bahasa Jerman/bahasa Inggeris dan sekelompok orang dewasa.

Persamaan bentuk didapati mempunyai kesan dalam kedua-dua jenis bukti yang diambil kira di sini. Kesan jenis kata yang dicerap pada kanak-kanak usia persekolahan membayangkan representasi yang berbeza pada perkataan yang sama bentuk dan yang tidak sama bentuk bersama-sama dengan yang sebelumnya didapati pada orang dewasa. Walau bagaimanapun, dapatkan bahawa persamaan bentuk turut memainkan peranan pada peringkat awal perkembangan leksikal memungkinkan bahawa kanak-kanak memanfaatkan persamaan bentuk untuk membina pemetaan bentuk makna dalam kedua-dua bahasa.

Kanak-kanak yang mempelajari dua bahasa awal-awal lagi perlulah membezakan antara perkataan yang dapat digunakan dalam konteks kedua-dua bahasa, seperti nama dan perkataan seiras bentuk dan perkataan yang berbeza dari segi bentuk dalam kedua-dua bahasa. Bagi kelompok yang pertama, diperlukan hanya satu representasi antara bahasa. Perkataan yang seiras bentuk kerap terdapat dalam data mengenai kanak-kanak awal usia.

Perkataan sama bentuk berbeza secara minimum dari segi struktur bunyi dalam kedua-dua bahasa. Bagi pasangan perkataan ini, orang dewasa yang mempelajarinya dipercayai mempunyai tindanan ciri dalam representasi konsepsi. Berdasarkan bukti yang diperturunkan di sini, nampaknya persamaan bentuk mungkin memudahkan pemantapan representasi sedemikian memandangkan padanan terjemahan terdapat pada bahagian yang lebih besar bagi tanda kata nama sama bentuk dan jeda antara penggunaan kata nama dan padanan terjemahannya lebih kecil bagi kata nama yang sama berbanding dengan kata nama yang tidak sama.

Kata nama yang tidak sama berbeza dari segi struktur bunyi dan diandakan tidak mempunyai ciri yang bertindanan. Walau bagaimanapun, memandangkan persamaan bentuk adalah mengenai darjah, perlulah ditentukan ciri manakah dalam bentuk kata yang paling banyak memberi sumbangan dalam kesan jenis kata, sama ada kedudukan ciri dalam sesuatu kata mempunyai kesan, dan setakat manakah darjah persamaan yang menyebabkan kesan ini hilang.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, dapatan daripada kajian ini menunjukkan bahawa persamaan bentuk memainkan peranan dalam usaha mengembangkan representasi bahasa pada kanak-kanak penutur dwibahasa sejak awal-awal lagi, sehingga kesan jenis kata yang terdapat pada orang dewasa penutur dwibahasa juga terdapat pada kanak-kanak penutur dwibahasa. Hal ini sejajar dengan pandangan bahawa penyusunan representasi leksikal dan konsepsi yang berkembang pada kanak-kanak penutur dwibahasa tidaklah berbeza daripada penyusunan representasi leksikal dan konsepsi yang berkembang pada orang dewasa yang mempelajari bahasa kedua.

NOTA

Kajian kes mengenai kedwibahasaan ini ditaja oleh ESRC, Grant No. R000222072. Bagi kajian tentang penamaan dan penterjemahan, penulis ingin mengucapkan terima kasih kepada kanak-kanak yang mengambil bahagian, ibu bapa masing-masing, guru darjah dan puan guru besar sekolah rendah di sekolah Eropah di Culham atas kerjasama mereka. Di samping itu, penulis ingin mengucapkan terima kasih kepada tiga penilai yang nama mereka tidak disebut di sini, serta Judy Kroll, Elaine Funnell dan Mike Garman kerana ulasan pada versi awal makalah ini.

RUJUKAN

- Bialystok, E., 2001. *Bilingualism in Development: Language, Literacy, and Cognition*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Chen, H.C., dan Leung, Y.S., 1989. "Patterns of Lexical Processing in a Nonnative Language". dlm. *Journal of Experimental Psychology: Learning, Memory, and Cognition*, 15, hlm. 316 – 325.
- Clark, E., 1987. "The Principle of Contrast. A Constraint on Language Acquisition". dlm. B. MacWhinney (ed.). *Mechanisms of Language Acquisition*, hlm. 1–33. Hillsdale, NJ: Lawrence Erlbaum Associates.
- Cycowicz, Y. Friedman, D. Rohstein, M., dan Snodgrass, J., 1997. "Picture Naming by Young Children; Norms for Name Agreement, Familiarity, and Visual Complexity". dlm. *Journal of Experimental Child Psychology*, 65, hlm. 171–237.
- De Houwer, A., 1990. *The Acquisition of Two Languages From Birth: A Case Study*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Dijkstra, T., Grainger, J., dan van Heuven, W., 1999. "Recognition of Cognates and Interlingual Homographs: The Neglected Role of Phonology". dlm. *Journal of Memory and Language*, 41, hlm. 496 – 518.
- Gawlitzek-Maiwald, I., dan Tracy, R., 1996. "Bilingual Bootstrapping". dlm. *Linguistics*, 34, hlm. 901–926.
- Institut fur Deutsche Sprache, 1998. *Mmm Internet Corpus* (Newspaper Corpus from the "Mannheimer Morgen"). <http://www.ids.mannheim.de/kt/corpora.shtml>.
- Johansson, S., dan Hofland, K., 1989. *Frequency Analysis of English Vocabulary and Grammar*. Jil. 1 Oxford: Clarendon Press.
- Kroll, J., dan de Groot, A., 1997. "Lexical and Conceptual Memory in the Bilingual : Mapping Form to Meaning in Two Languages". dlm. A. de Groot dan J. Kroll (ed.). *Tutorials in Bilingualism*, hlm. 169–199. Hillsdale, NJ: Lawrence Erlbaum Associates.
- Kroll, J., dan Stewart, E., 1994. "Category Interference in Translation and Picture Naming: Evidence for Asymmetric Connection Between Bilingual Memory Representations", dlm. *Journal of Memory and Language*, 33, hlm. 149–174.
- Lanza, E., 1997. *Language Mixing in Infant Bilingualism*, New York: Oxford University Press.
- Masterton, J., dan Druks, J., 1998. "Description of a Set of 164 Nouns and 102 Verbs Matched for Printed Word Frequency, Familiarity, and Age-of acquisition". dlm. *Journal of Neurolinguistics* 11(4), hlm. 331–354.
- Meisel, J. M., 1989. "Early Differentiation of Languages in Bilingual Children", dlm. K. Hyltenstam dan L.K. Obler (ed.). *Bilingualism Across the Lifespan : Aspects of Acquisition, Maturity and Loss*, hlm. 13–40. Cambridge: Cam-

- bridge University Press.
- Morrison, C. M. Chappell, T. D., dan Ellis, A., 1997. "Age of Acquisition Norms for a Large Set of Object Names and Their Relation to Adult Estimate and Other Variables" dlm. *The Quarterly Journal of Psychology*, 50 A, hlm. 528–539.
- Paradis, J. dan Genesse, F., 1996. "Syntactic Acquisition in Bilingual Children". Dlm. *Studies in Second Language Acquisitions*, 18, hlm. 1–25.
- Pearson, B., Fernandez, S., dan Oller, D., 1995. "Cross Language Synonyms in the Lexicon of Bilingual Infants: One Language or Two"? dlm. *Journal of Child Language*, 22, hlm. 345–368.
- Quay, S., 1995. "The Bilingual Lexicon; Implications for Studies of Language Choice", dlm. *Journal of Child Language*, 22, hlm. 369–387.
- Ronjat, J. 1913. *Le developpement du langage observe chez un enfant bilingue*. Paris: Champion.
- Schelletter, C., Sinks, I., dan Garman, M., 2001. "Early Nouns in Bilingual Acquisition: A Test of the Separate Development Hypothesis". dlm. Kertas kerja yang dibentangkan dalam 3rd International Symposium on Bilingualism, Bristol, April 18–20.
- Sinka, I., dan Schelletter, C., 1998. "Morphosyntactic Development in Bilingual Children". dlm *International Journal of Bilingualism*, 2 (3) hlm. 301–326.
- Sinka, I. Garman, M., dan Schelletter, C., 2000. "Early Verbs in Bilingual Acquisition; A Lexical Profiling Approach". dlm. R. Ingham dan Kerswill (ed.), *Working Papers in Linguistics*, Jil. 4, hlm. 175–187. University of Reading.
- Snodgrass, J. G., dan Vanderwaart, M., 1980. "A Standardise Set of 260 Pictures: Norms for Name Agreement, Image Agreement, Familiarity, and Visual Complexity". dlm. *Journal of Experimental Psychology: Human Learning and Memory*, 6(2), hlm. 174–215.
- Talamas, A., Kroll, J., dan Dufour, R., 1999. "From Form to Meaning: Stages in the Acquisition of Second Language Vocabulary". dlm. *Bilingualism: Language and Cognition*, 2. (1), hlm. 45–58.
- Van Hell, J. G., dan de Groot, A., 1998. "Conceptual Representation in Bilingual Memory: Effects of Concreteness and Cognates Status in Word Association". dlm. *Bilingualism: Language and Cognition*, 1(3), hlm. 193–211.
- Volterra, V., dan Taeschner, T., 1978. "The Acquisition and Development of Language by Bilingual Children". dlm. *Journal of Child Language*, 5, hlm. 311–326.